

23/07/1997

Taktik jahat sabotaj ekonomi Asia

reports on "Dewan Rakyat" by Radzi Wahab; Ahmad Burak  
KUALA LUMPUR, Selasa - Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata ada negara yang cemburu dengan kemakmuran ekonomi negara Asia sehingga mendorong mereka menggunakan `taktik' tertentu untuk menjatuhkan imej serta ekonomi negara ini.

Ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1997) pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini, beliau berkata ini kerana Asia adalah kuasa baru dalam dunia ekonomi yang membuatkan mereka cemburu dengan perkembangan itu.

Bagaimanapun, beliau enggan memberitahu identiti `individu tertentu' yang dipercayai terbabit dalam `serangan terhadap mata wang negara Asean' ketika disoal Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) yang meminta identiti individu itu didedahkan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata `serangan terhadap mata wang negara Asean' yang berlaku disebabkan ada individu yang menjadi pembiaya kepada usaha menjatuhkan mata wang negara Asean.

Dr Shafie juga mengulangi dasar pertukaran asing negara ialah membenarkan kuasa pasaran menentukan nilai ringgit mengikut asas ekonomi.

"Hanya apabila berlaku turun naik nilai ringgit yang ketara dan keterlaluan barulah Bank Negara akan campur tangan," katanya.

Ketika menjawab soalan Mohamad Sabu (PAS-Kubang Kerian) mengenai masalah setinggan di Sentul, beliau berkata langkah memindahkan setinggan di kawasan itu adalah satu usaha memperbaiki keadaan perumahan setinggan di kawasan itu.

Katanya, tanah itu adalah tanah kerajaan yang diswastakan dengan dikenakan syarat kepada pemaju untuk menyediakan rumah kos rendah bagi menempatkan semula setinggan.

"Sebahagian daripada rumah kos rendah di tapak pertama sudah siap dan sebahagian daripada setinggan sudah dipindahkan ke unit itu tanpa masalah," katanya.

Mengenai konsep `lapangan terbang dalam hutan' di KLIA, beliau berkata Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) dilantik memilih dan menanam pokok di kawasan lapangan terbang bagi memastikan konsep itu dipatuhi.

"Konsep itu membabitkan penanaman pokok atau lanskap sekeliling bangunan terminal dan di tengah-tengah bangunan satelit," katanya menjawab soalan Tan Seng Giaw (DAP-Kepong).

(END)